



MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD.


(Company No. 902884-V)

(dahulunya dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.)
(Syarikat Milik Kementerian Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan untuk membangun dan melaksanakan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, bagi menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp. ingin mempelawa kontraktor ("Petender") yang berpotensi untuk mengambil bahagian di dalam tender bagi kerja seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT TENDER (MANDATORI)	
<p>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: PUTRAJAYA LINE</p> <p>TENDER FOR THE OVERHAUL OF 750V DC SWITCHGEAR HIGH SPEED CIRCUIT BREAKER (HSCB) UR60 FOR MRT PUTRAJAYA LINE</p> <p>TENDER NO.: SSP-MRTC-GENE-OVPR-TEN-00099</p>	<p>Memiliki dokumen yang sah seperti berikut:</p> <p>i. Pendaftaran Syarikat (ROC) yang dikeluarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);</p> <p>ii. Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia;</p> <p>Gred : G2 dan ke atas</p> <p>iii. Sijil Perakuan Pendaftaran Sebagai Kontraktor Elektrik (Borang Q) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga;</p> <p>dan</p> <p>iv. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Status:Patuh) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p>	<p>Tarikh : Jumaat, 13 Februari 2026</p> <p>Masa : 9:30 pagi</p> <p>Lokasi : Bilik Mesyuarat Lembaga, Tingkat 2, Bangunan Admin, MRT Sungai Buloh Depoh, Lot 488 Jalan Batu 3, Sungai Buloh, Seksyen U4, 40150 Shah Alam</p>	<p>Bagi menyertai taklimat tender ini, Petender yang berminat hendaklah melengkapkan pendaftaran secara dalam talian menerusi salah satu pautan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Laman Web MRT Corp. www.mymrt.com.my; atau https://forms.gle/JbMgfNpU4PcpJeFe6 ; atau Mengimbas Kod QR yang disediakan  <p>Pendaftaran akan dibuka mulai Jumaat, 6 Februari 2026 hingga Khamis, 12 Februari 2026. Hanya Petender yang telah mendaftar serta memenuhi kesemua syarat pendaftaran yang ditetapkan akan dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender. Kehadiran adalah WAJIB, dan Petender tidak dibenarkan untuk menyertai tender sekiranya gagal hadir ke sesi taklimat tender.</p> <p>Seramai dua (2) orang wakil daripada setiap Petender sahaja dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender.</p> <p>Wakil-wakil daripada pihak Petender yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada jawatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pengarah Urusan; atau Pengurus Projek; atau Pengurus Kontrak dan Komersial.

- Dokumen tender akan diberikan kepada Petender yang layak tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan.
- Petender wajib menyerahkan dokumen tender yang telah lengkap termasuk semua maklumat sokongan yang diperlukan dan sebagaimana ditetapkan dalam dokumen tender.
- Tarikh akhir serahan bagi dokumen tender adalah pada hari **Isnin, 9 Mac 2026 tidak lewat daripada jam 12:00 tengahari**. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Petender lewat menyerahkan dokumen tender tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas tajuk tender dan nombor tender pada bahagian atas tengah sampul surat di alamat berikut:

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.
Jabatan Perolehan (Kaunter Tender),
Tingkat 6, Menara I&P 1,
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

- Selain daripada syarat-syarat di atas, Petender **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI TEKNIKAL

- Rekod prestasi yang terbukti dalam pelaksanaan projek Reka Bentuk / Pembinaan / Operasi dan Penyelenggaraan **Sistem Bekalan Kuasa dalam industri rel** dengan nilai projek Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (**RM250,000.00**) dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu.
- Surat Kebenaran daripada Pengeluar Peralatan Asal (OEM).

KRITERIA MANDATORI KEWANGAN

- Purata baki bank bagi tiga (3) bulan berturut-turut mestilah **positif**.

Nota:

- MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen tender daripada mana-mana Petender tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Petender mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Petender terhadap penolakan serahan dokumen tender tersebut.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada procurement.aom@mymrt.com.my. Petender boleh melayari laman web www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.